

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN BIN
HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN IHYA' RAMADHAN 1432 H /
2011M
& PERASMIAN PEJABAT PUSAT ISLAM UniMAP

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Prof. Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal,
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Prof. Dr. Ismail Bin Daut,
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

En. Zuber Bin Haji Mohamad
Timbalan Pendaftar

Pn. Saodah Binti Hassan
Bendahari

Pn. Mazmin Binti Md Akhir
Pustakawan kanan

Penolong-penolong Naib Canselor

Yeng Berbahagia, Ustaz Abdullah bin Awang Sa,
Pegawai Hal Ehwal Islam,
Jabatan Agama Islam Negeri Kedah
Selaku penceramah jemputan pada hari ini,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Dekan-dekan, ketua-ketua jabatan,

Dato'-Dato', Datin-datin, Hadirin-hadirat, kakitangan dan para pelajar UniMAP yang dirahmati Allah SWT.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

الحمد لله رب العلمين، وبه نستعين، على أمور الدنيا
والدين،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين، وعلى
آله وأصحابه أجمعين،
لا حول ولا قوة الا بالله العلي العظيم.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan Izin dan limpah kurnia-Nya, kita masih diberikan kesempatan untuk merasai nikmat kehidupan ini.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Baginda Rasulullah SAW, para keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda yang sentiasa menelusuri perjalanan hidup Baginda.

Hari ini, tanggal 25 Sya'aban 1432 H, bersamaan 26 Julai 2011 M, merupakan hari yang begitu bermakna buat seluruh umat Islam khususnya, seluruh warga UniMAP. Lebih kurang 5 hari lagi kita akan menjalani ibadah puasa, ibadah yang berkeupayaan untuk meningkatkan tahap ketaqwaan kepada Allah SWT.

Allah SWT menyatakan hakikat ini seperti mana firman-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 183:

“Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu, agar kamu bertakwa”

Bulan Ramadhan yang mulia telah kembali, menandakan telah tibanya Pesta Ibadah, Pesta Kebaikan dan Kebajikan, buat seluruh umat Islam di seluruh dunia.

Hadirin dan hadirat sekalian

Hari ini juga merupakan hari yang begitu bersejarah kepada UniMAP, kerana pada hari ini juga akan dirasmikan Bangunan Pejabat Pusat Islam UniMAP.

Bangunan 3 tingkat yang tersergam indah di tengah-tengah Pekan Kuala Perlis ini, sentiasa terbuka untuk menyambut seluruh warga UniMAP untuk bertandang dan mendapatkan perkhidmatan terbaik dari Pusat Islam UniMAP.

Warga Kuala Perlis juga, sudah pasti berpeluang, untuk beramah mesra dengan warga Pusat Islam ini, sebelum pusat ini berpindah ke Tapak Kampus Tetap UniMAP di Pauh Putra menjelang 2015 nanti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Menyoroti sejarah penubuhan Pusat Islam UniMAP, pusat ini ditubuhkan pada Julai 2003 dengan nama Unit Agama Islam. Bergerak sebagai sebuah unit di bawah Jabatan Canselori, iaitu di bawah jabatan yang diketuai oleh saya, Unit Agama Islam telah berperanan menyelaras segala aktiviti keagamaan dan islamik, serta pengisian-pengisian agama kepada mahasiswa-mahasiswi dan seluruh kakitangan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Unit Agama Islam ketika itu, hanya mempunyai 3 orang staf, namun tetap komited dan beriltizam merencana dan melaksanakan pelbagai aktiviti untuk memberikan pengisian ilmi islami kepada warga UniMAP. Unit ini telah ditempatkan di jabatan Pendaftar, kemudian dipindahkan ke Tingkat 3, Bangunan Hong Leong Bank, di Jalan Bukit Lagi, Kangar. Unit Agama Islam, turut dibantu oleh Allahyarhamah Dr. Zaleha iaitu isteri kepada Ustaz Hassan bin Haji Arsyad, yang mana Ustaz Hassan bin Haji Arsyad telah dilantik sebagai penyelarass Unit Agama Islam yang pertama, dan masih kekal hingga ke hari ini.

Dari tahun 2004 hingga 2010, Unit Agama Islam (UAI) terus berkembang, bagi memberi kebajikan kepada staf serta para pelajarnya agar memupuk nilai-nilai iman dan taqwa. Pada tanggal 17 Ramadhan 1431 H bersamaan 27 Ogos 2010 Unit Agama Islam dinaiktaraf sebagai Pusat Islam UniMAP. Majlis yang bersejarah itu juga telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibn Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail di Dewan 2020 bersempena Ihtifal Ihya' Ramadhan 1431 H 2011 M.

Selari dengan penjenamaan Unit Agama Islam sebagai Pusat Islam, ditambah dengan kemasukan staf dan kakitangan yang semakin bertambah di Pusat ini, maka, pada tanggal 11 April 2011 Pusat Islam diberi tempat baru di No 30,32 & 34 Jalan Kuala Perlis, Perlis. Suasana pejabat yang harmonis dan kondusif, serta berhampiran dengan Kolej Kediaman Kg. Wai dan Seberang Ramai akan memberi lebih impak khususnya kepada para mahasiswa dan mahasiswi UniMAP untuk membangunkan nilai insan Kamil.

Saya berharap, dengan perasmian bangunan pejabat Pusat Islam yang baru ini, maka seluruh warga UniMAP dan masyarakat Perlis umumnya, akan mendapat faedah dari kewujudan Pusat Islam UniMAP di Kuala Perlis ini. Saya difahamkan bahawa, pelbagai perancangan telah dibuat oleh jentera Pusat Islam UniMAP, untuk memberikan faedah kepada semua. Kuliah-kuliah, seminar dan pelbagai lagi aktiviti akan dianjurkan di bangunan ini, untuk memupuk jatidiri muslim yang sehati, sesuai dengan tuntutan Ilahi.

Di kesempatan ini juga, saya mengambil kesempatan, mengucapkan jutaan penghargaan dan tahniah kepada Pusat Islam UniMAP kerana telah berjaya mengharumkan nama UniMAP di persada negara dan antarabangsa. Antaranya adalah, pihak Pusat Islam telah berjaya menghantar seramai 4 orang pegawai ke Institut Kehakiman, Universiti Islam Muhammad Bin Saud, Riyadh Arab Saudi pada Disember 2010 untuk mengikuti Kursus Asas Kehakiman. Pusat Islam juga telah berjaya bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis untuk menganjurkan Seminar Antarabangsa Berpegang Dengan Al-Quran dan Sunnah pada 16 & 17 April 2011 yang lalu, dengan dihadiri oleh Yang Berbahagia Asy-Syeikh Abdul Rahman As-Sudais, Imam Besar Masjidil Haram, Makkah Al-Mukarramah.

Jalinan kerjasama bijak inilah, yang akan melonjakkan nama UniMAP sesuai agenda memperkasakan Keterlihatan Antarabangsa yang menyerlah. Syabas dan tahniah.

Buat akhirnya, mewakili seluruh warga UniMAP, saya mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Perlis khususnya masyarakat di

Kuala Perlis ini, yang sudi menerima keberadaan UniMAP di setiap ceruk dan pelusuk Negeri Perlis ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan majlis pada hari ini.

Dengan Taufiq dan Perkenan Allah SWT, adalah saya, yang telah menerima amanah ulil amri, mentadbir dan mengimarahkan Universiti ini, serta di atas kehendak dan ketentuan Allah SWT; dengan ini :

MERASMIKAN PELANCARAN IHYAK RAMADHAN
PERINGKAT UniMAP BAGI TAHUN 1432 HIJRI,
BERSAMAAN 2011 MASIHI

DAN MERASMIKAN PEMBUKAAN DAN PENTADBIRAN
BANGUNAN PUSAT ISLAM UniMAP, KUALA PERLIS

Wabillahi taufiq wal-hidayah wassalamu 'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh